

GERAN PEMBANGUNAN INOVASI

PROGRAM *MALAYSIA SOCIAL INNOVATION* (MySI)

Skop geran:

- Yuran pengurusan
- Kos bahan mentah
- Kos peralatan
- Dokumentasi dan laporan
- Kos perkhidmatan

Kriteria projek:

- Teknologi sedia ada dan bukan ditahap prototaip atau peringkat R&D
- Kos pelaksanaan dan penyelenggaraan yang minimum
- Boleh dilaksanakan dalam tempoh maksimum 12 bulan
- Projek berimpak tinggi yang menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat menerusi aspek seperti meningkatkan produktiviti, meningkatkan pendapatan komuniti terlibat dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu
- Projek mampu untuk berkembang serta mempunyai pelan bisnes atau exit plan yang jelas untuk menampung kelestarian projek
- Setiap projek hendaklah sekurang-kurangnya 100 orang penerima faedah secara langsung dan tidak langsung
- Projek mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Teknologi yang dicadangkan hendaklah disokong oleh kajian atau pernah memenangi anugerah atau merupakan hasil Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK)
- Projek telah melalui sesi engagement bersama masyarakat dan kolaborator, disokong oleh baseline study dan mempunyai komponen kos yang jelas
- Projek mempunyai kos selenggara yang rendah, alat ganti yang mudah diperolehi, mudah untuk diselenggara oleh masyarakat dan mempunyai waranti
- Projek mampu mengurangkan kebergantungan kepada sumber alam tidak boleh diperbaharui, boleh beroperasi tanpa bekalan konvensional, mengurangkan penggunaan tenaga manusia dan mengurangkan penggunaan jentera berat

Berkaitan Dana:

Bergantung pada jangka masa dan sifat setiap projek, jumlah geran yang kami tawarkan mungkin berbeza. Jumlah maksimum sebanyak RM300,000 boleh dianugerahkan untuk projek yang berjalan selama dua belas (12) bulan. Kami memberikan tumpuan pada pencapaian impak jangka panjang.

Cara Memohon:

Emelkan kertas kerja projek inovasi anda beserta gambar dan/atau video ke emel info@yim.my. Untuk maklumat lanjut berkenaan Program MySI, sila layari laman web www.emysi.mosti.gov.my.